



# **RANGKA KERJA AUDIT**

## **CUKAI PENDAPATAN & MAJIKAN**



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**  
**TARIKH KUAT KUASA 15 MAC 2025**

## KANDUNGAN

## Muka Surat

1.	<b>PENGENALAN</b>	1
2.	<b>PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG</b>	2
3.	<b>AUDIT CUKAI LHDNM</b>	2
	3.1 Objektif Audit Cukai	2
	3.2 Aktiviti Audit Cukai	2
	3.3 Kaedah Semakan Audit	4
4.	<b>TAHUN TAKSIRAN YANG DILIPUTI</b>	6
5.	<b>PEMILIHAN KES</b>	8
6.	<b>PELAKSANAAN AUDIT CUKAI</b>	8
	6.1 Tindakan Awal Audit	8
	6.2 Lawatan Audit Cukai / Majikan	11
	6.3 Tempoh Lawatan Audit	13
	6.4 Semakan Rekod / Pemeriksaan Aset	13
	6.5 Penemuan Audit Cukai	16
	6.6 Penemuan Audit Majikan	17
	6.7 Penyelesaian Audit	18
7.	<b>PENGAKUAN SUKARELA</b>	20
8.	<b>HAK DAN TANGGUNGJAWAB</b>	22
	8.1 Pegawai Audit LHDNM	22
	8.2 Pembayar Cukai / Majikan	23
	8.3 Ejen Cukai Berdaftar	26
9.	<b>KERAHSIAAN MAKLUMAT</b>	27
10.	<b>KESALAHAN / PENALTI / KENAIKAN CUKAI / DENDA / KUASA MENGGOMPAUN</b>	27
	10.1 Audit Cukai Pendapatan / Petroleum / Cukai Keuntungan Modal	27
	10.2 Audit Cukai Pegangan	29
	10.3 Ringkasan Kadar Penalti / Kenaikan Cukai	30
	10.4 Audit Cukai Labuan	31
	10.5 Audit Majikan	32

## **KANDUNGAN**

## **Muka Surat**

<b>11.</b>	<b>PENGADUAN</b>	<b>33</b>
<b>12.</b>	<b>PROSEDUR BAYARAN CUKAI / KOMPAUN</b>	<b>34</b>
<b>13.</b>	<b>PROSES RAYUAN</b>	<b>35</b>
<b>14.</b>	<b>TARIKH KUAT KUASA DAN PEMBATALAN</b>	<b>36</b>

## **1.0 PENGENALAN**

- 1.1 Pentadbiran sistem percukaian yang adil, telus dan saksama akan dapat mempertingkatkan kepercayaan orang awam terhadap sistem percukaian tersebut. Pematuhan terhadap undang-undang percukaian hendaklah dikuatkuasakan dengan tegas dan kesalahan percukaian seperti ketidakpatuhan dan pengelakan cukai hendaklah diambil tindakan mengikut peruntukan undang-undang percukaian yang sedang berkuat kuasa.
- 1.2 Di bawah Sistem Taksir Sendiri (STS), audit cukai adalah aktiviti utama Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) bagi meningkatkan pematuhan cukai secara sukarela. Seseorang pembayar cukai boleh dipilih untuk diaudit pada bila-bila masa. Walau bagaimanapun, sekiranya pembayar cukai telah dipilih untuk diaudit, ini tidak bermaksud pembayar cukai tersebut telah melakukan kesalahan.
- 1.3 Rangka Kerja Audit Cukai Pendapatan dan Majikan (RKA CPM) yang dikeluarkan oleh LHDNM bertujuan untuk memastikan audit cukai dilaksanakan dengan adil, telus dan saksama. RKA CPM ini menggariskan hak serta tanggungjawab pegawai audit, pembayar cukai, majikan dan ejen cukai. Secara umumnya, RKA CPM ini bertujuan untuk:
  - 1.3.1 membantu pegawai audit menjalankan tugas mereka dengan lebih cekap dan berkesan;
  - 1.3.2 membantu pembayar cukai / majikan memahami proses kerja audit dan memenuhi tanggungjawab mereka;
  - 1.3.3 memastikan hanya ejen cukai berdaftar sahaja yang dilantik untuk mewakili pembayar cukai dalam proses audit; dan
  - 1.3.4 membantu ejen cukai memahami skop tugas dan tanggungjawab mereka.
- 1.4 Bagi tujuan penyeragaman proses kerja audit LHDNM serta penetapan hak dan tanggungjawab pegawai audit, pembayar cukai, majikan dan ejen cukai yang lebih teratur dan jelas, RKA CPM LHDNM dikemaskini dengan menggabungkan kesemua proses kerja audit di bawah satu dokumen, meliputi aktiviti audit cukai pendapatan, audit cukai kewangan dan insurans, audit cukai pegangan, audit cukai keuntungan modal, audit aktiviti perniagaan Labuan dan audit majikan.

## **2.0 PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG**

Peruntukan undang-undang berkenaan dengan audit cukai LHDNM tidak hanya terhad kepada Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) sahaja. Ia juga meliputi pemakaian Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 (APCP), Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 (ACKHT), Akta Penggalakan Pelaburan 1986 (APP), Akta Setem 1949 (AS), Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 (ACAPL) dan akta-akta lain yang ditadbir oleh LHDNM. Selain daripada itu, sebarang peruntukan undang-undang di bawah Peraturan-Peraturan Cukai Pendapatan, Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (KKCP), Pengecualian Cukai Pendapatan, Garis Panduan, Ketetapan Umum, Nota Amalan dan dokumen rujukan perundangan berkaitan percukaian lain turut diguna pakai dalam proses pengauditan oleh pegawai audit LHDNM.

## **3.0 AUDIT CUKAI LHDNM**

### **3.1 Objektif Audit Cukai**

- 3.1.1 Objektif utama audit cukai ialah untuk menggalakkan pematuhan secara sukarela terhadap undang-undang dan peraturan percukaian selaras dengan pelaksanaan STS.
- 3.1.2 Di samping itu, aktiviti audit cukai merupakan satu pendekatan berdasarkan konsep *Awareness, Education, Services* (AES) untuk memberi kesedaran, pendidikan serta perkhidmatan kepada pembayar cukai / majikan terhadap hak dan tanggungjawab mereka di bawah peruntukan perundangan yang sedang berkuat kuasa.
- 3.1.3 Selain daripada itu, aktiviti audit merupakan salah satu cara penguatkuasaan pematuhan undang-undang percukaian. Pegawai audit bertanggungjawab memastikan bahawa pendapatan yang betul telah dilaporkan dan cukai telah dibayar sewajarnya bagi mengelakkan ketirisan hasil negara.

### **3.2 Aktiviti Audit Cukai**

- 3.2.1 Bagi tujuan pemakaian RKA CPM ini, audit cukai LHDNM meliputi aktiviti audit cukai pendapatan, audit cukai pegangan, audit cukai keuntungan modal, audit aktiviti perniagaan Labuan dan audit majikan. Penjelasan berkaitan aktiviti tersebut adalah seperti berikut:

a. **Audit Cukai Pendapatan**

- i. Aktiviti Audit Cukai Pendapatan di bawah RKA CPM ini merujuk kepada aktiviti penguatkuasaan ACP dan APCP selain isu cukai pegangan, cukai keuntungan modal dan tanggungjawab majikan.
- ii. Pelaksanaan aktiviti audit adalah ke atas **semua kategori pembayar cukai syarikat dari pelbagai industri termasuk industri kewangan, insurans dan petroleum**. Selain itu, aktiviti audit turut boleh dilaksanakan ke atas pembayar cukai selain syarikat.
- iii. Audit cukai secara umumnya merujuk kepada aktiviti semakan / pemeriksaan rekod perniagaan dan hal ehwal kewangan pembayar cukai bagi memastikan pendapatan yang sepatutnya dilaporkan dan cukai yang sepatutnya dikira serta dibayar adalah mengikut undang-undang dan peraturan percukaian yang sedang berkuat kuasa.

b. **Audit Cukai Pegangan**

Audit Cukai Pegangan merujuk kepada aktiviti pemeriksaan rekod perniagaan dan hal ehwal kewangan pembayar cukai bagi memastikan cukai pegangan yang sepatutnya telah dipotong dan diremit kepada LHDNM mengikut undang-undang dan peraturan percukaian yang sedang berkuat kuasa.

c. **Audit Cukai Keuntungan Modal**

Bermula 01 Januari 2024, Cukai Keuntungan Modal (CKM) telah diperkenalkan di Malaysia. Oleh itu, aktiviti audit CKM akan dilaksanakan dengan tujuan menyemak amaun pemerolehan dan pelupusan saham serta tuntutan perbelanjaan yang berkaitan dalam pengiraan keuntungan bercukai.

d. **Audit Aktiviti Perniagaan Labuan**

Aktiviti audit ini berfokus ke atas semakan *substance over form* dalam menentukan sama ada aktiviti yang dijalankan oleh pembayar cukai memenuhi kehendak ACAPL atau sepatutnya dikenakan layanan cukai di bawah ACP. Selain itu, semakan akan turut dilaksanakan ke atas sebarang isu percukaian lain yang berkaitan.

e. **Audit Majikan**

Audit majikan melibatkan proses semakan, pemeriksaan serta pengesahan rekod dan dokumen perniagaan (seperti rekod *payroll*) dan maklumat berkaitan dengan penggajian bagi memastikan tanggungjawab dan kewajipan majikan dipatuhi seperti berikut:

- i. Membuat potongan cukai bulanan berdasarkan Potongan Cukai Berjadual (PCB) yang sepatutnya dan diremitkan kepada LHDNM dalam tempoh yang ditetapkan seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 107 ACP dan KKCP.
- ii. Memenuhi tanggungjawab majikan yang ditetapkan di bawah seksyen 83 ACP berkaitan rekod penggajian dan pelaporan maklumat pekerja.
- iii. Memastikan majikan mematuhi arahan potongan tambahan (CP38) bagi menyelesaikan tunggakan cukai pendapatan pekerja.

**3.3 Kaedah Semakan Audit**

- 3.3.1 Bagi kesemua aktiviti audit yang diterangkan di perenggan 3.2, LHDNM menjalankan dua (2) kaedah semakan audit, iaitu semakan umum dan semakan menyeluruh.

**Semakan Umum**

- a. Semakan umum merujuk kepada aktiviti semakan dokumen yang **dijalankan di pejabat LHDNM sahaja**. Ia melibatkan isu-isu atau pelarasan pendapatan, semakan kepatuhan tanggungjawab majikan dan semakan aktiviti

perniagaan Labuan serta perihal percukaian yang boleh diselesaikan melalui surat-menyurat.

- b. Semakan umum bagi aktiviti audit cukai pendapatan dan audit cukai keuntungan modal melibatkan semakan / pemeriksaan ke atas maklumat pendapatan dan perbelanjaan serta pelbagai jenis tuntutan yang dibuat oleh pembayar cukai dalam Borang Nyata (BN) secara spesifik dan berfokus.
- c. Pelaksanaan semakan umum bagi audit cukai pegangan akan melibatkan pemeriksaan ke atas semua maklumat berkaitan Surat Bayaran yang dikemukakan oleh pembayar.
- d. Dalam pelaksanaan audit majikan, semakan audit di bawah seksyen 83 ACP akan dijalankan secara semakan umum melibatkan proses pemeriksaan dan pengesahan ke atas rekod dan dokumen penggajian, berserta notis bertulis yang perlu dikemukakan kepada Ketua Pengarah yang mengandungi maklumat berkaitan pekerja.
- e. Sekiranya perlu, kes semakan umum boleh dirujuk untuk tindakan semakan menyeluruh. Dalam keadaan tersebut, pembayar cukai akan dimaklumkan melalui surat, notis atau e-mel rasmi sebagaimana proses biasa permulaan sesuatu tindakan semakan menyeluruh dijalankan.

### 3.3.2 **Semakan Menyeluruh**

- a. Semakan menyeluruh bagi aktiviti audit percukaian **melibatkan sesi temu duga berkaitan modus operandi perniagaan** dan boleh dijalankan sama ada di premis pembayar cukai, pejabat LHDNM (termasuk pelaksanaan temu duga dalam talian), atau mana-mana premis atau tempat yang dipersetujui oleh pembayar cukai dan LHDNM.
- b. Ia melibatkan semakan ke atas semua dokumen perniagaan pembayar cukai / majikan, termasuk:
  - i. rekod perniagaan berkaitan pelaporan pendapatan;

- ii. rekod perniagaan berkaitan tuntutan perbelanjaan dan pengiraan elaun;
  - iii. semakan ke atas dokumen perjanjian bagi memastikan pelaksanaan terma dan syarat perjanjian adalah benar seperti yang dinyatakan (*substance over form*);
  - iv. pematuhan terhadap syarat dan kelayakan tuntutan insentif yang telah diluluskan;
  - v. pematuhan berkaitan potongan dan remitan bayaran cukai pegangan; dan
  - vi. semakan ke atas dokumen serta maklumat berkaitan dengan penggajian pekerja bagi memastikan majikan membuat potongan PCB / CP38 yang sepatutnya dan meremitkan bayaran PCB / CP38 kepada LHDNM dalam tempoh yang ditetapkan seperti dinyatakan dalam KKCP.
- c. Bagi kes perniagaan milik tunggal dan perkongsian, sekiranya rekod perniagaan tidak disimpan dengan lengkap, semakan audit boleh melibatkan semakan / pemeriksaan rekod bukan perniagaan pembayar cukai seperti penyata bank persendirian, senarai milikan aset dan lain-lain dokumen. Pembayar cukai akan dimaklumkan terlebih dahulu melalui surat atau e-mel rasmi sebelum semakan menyeluruh dijalankan.
- d. Semakan ke atas aktiviti perniagaan Labuan dilaksanakan ke atas keperluan pematuhan syarat minima yang ditetapkan dalam perundangan semasa, bagi mengesahkan kelayakan untuk kekal dicukai di bawah ACAPL.

#### **4.0 TAHUN TAKSIRAN YANG DILIPUTI**

Liputan tahun taksiran dalam pelaksanaan aktiviti audit cukai LHDNM adalah seperti berikut:

**RANGKA KERJA AUDIT CUKAI PENDAPATAN DAN MAJIKAN**  
**Tarikh Kuat Kuasa : 15 Mac 2025**

<b>Aktiviti Audit</b>	<b>Liputan Audit</b>	<b>Had Masa</b>	<b>Ketidakpakaian Had Masa</b>
Audit cukai di bawah peruntukan ACP dan APCP <b>selain</b> isu cukai pegangan / majikan / aktiviti perniagaan labuan	Boleh meliputi sehingga tiga (3) tahun taksiran	Sehingga lima (5) tahun taksiran (subseksyen 91(1), ACP / subseksyen 39(1), APCP)	
Audit Cukai Pegangan	Boleh meliputi sehingga tiga (3) tahun taksiran	Sehingga lima (5) tahun taksiran (subseksyen 91(1), ACP)	Had bagi tempoh liputan tidak terpakai bagi kes audit yang melibatkan penipuan ( <i>fraud</i> ), keingkaran sengaja ( <i>wilful default</i> ) atau kecuaiian ( <i>negligence</i> ).
Audit Majikan	Boleh meliputi sehingga dua (2) tahun saraan	Kesalahan di bawah seksyen 83 ACP, sehingga dua belas (12) tahun dari tahun kesalahan dilakukan (subseksyen 121(1), ACP)	(subseksyen 91(3), ACP / subseksyen 39(3), APCP)
Audit Cukai Labuan	Boleh meliputi sehingga tiga (3) tahun taksiran	Sehingga lima (5) tahun taksiran (subseksyen 6(2) ACAPL)	Had bagi tempoh liputan tidak terpakai bagi kes audit yang melibatkan penipuan ( <i>fraud</i> ), keingkaran sengaja ( <i>wilful default</i> ) atau kecuaiian ( <i>negligence</i> ). (subseksyen 6(4) ACAPL)

## **5.0 PEMILIHAN KES**

Pemilihan kes audit dilakukan melalui dapatan analisis sistem komputer dan berdasarkan kepada kriteria penilaian risiko percukaian yang ditetapkan dan / atau berasaskan kepada pelbagai punca maklumat yang diterima. Kriteria dan jenis punca maklumat boleh berubah dari semasa ke semasa. Antara asas yang digunakan:

- a) maklumat yang diterima daripada pihak ketiga;
- b) isu-isu industri; dan / atau
- c) amaun transaksi terkawal yang dibuat oleh syarikat berkaitan dengan nilai transaksi yang signifikan.

## **6.0 PELAKSANAAN AUDIT**

Sebagaimana yang telah dijelaskan di perenggan 3.3, aktiviti audit boleh dilaksanakan secara semakan umum atau semakan menyeluruh. Proses kerja audit melibatkan beberapa fasa seperti yang dijelaskan di bawah:

### **6.1 Tindakan Awal Audit**

#### **6.1.1 Semakan Umum**

- a. Bagi kes yang memerlukan pembayar cukai / majikan mengemukakan dokumen dan maklumat, **Surat Memohon Dokumen dan Maklumat** akan dikeluarkan kepada pembayar cukai / majikan melalui e-mel rasmi atau pos.
- b. Pembayar cukai / majikan dikehendaki memberikan maklum balas dalam tempoh empat belas (14) hari kalendar dari tarikh Surat Memohon Dokumen dan Maklumat.
- c. Sekiranya didapati dokumen yang diperlukan berkenaan dengan transaksi perniagaan di Malaysia disimpan di luar negara oleh syarikat yang berkaitan, adalah menjadi tanggungjawab pembayar cukai / majikan untuk mendapatkan semua dokumen tersebut dan mengemukakannya dengan lengkap kepada LHDNM.

- d. Sekiranya pembayar cukai / majikan gagal mengemukakan maklum balas dalam masa yang ditetapkan, tindakan audit akan diteruskan dengan menggunakan kaedah yang bersesuaian berdasarkan dokumen dan maklumat sedia ada.
- e. Kegagalan pembayar cukai mengemukakan dokumen dalam tempoh ditetapkan boleh menyebabkan amaun tuntutan perbelanjaan yang telah dibuat tidak dibenarkan dalam pengiraan cukai dan Notis Taksiran Tambahan dibangkitkan.
- f. Bagi kes di mana **LHDNM mempunyai dokumen dan maklumat yang jelas sebagai asas untuk membangkitkan taksiran**, Surat Memohon Dokumen dan Maklumat tidak akan dikeluarkan. Walau bagaimanapun, Notis Taksiran yang dibangkitkan akan dikemukakan kepada pembayar cukai bersama maklumat pelarasan pendapatan dan pengiraan cukai yang dikenakan.

#### 6.1.2 **Semakan Menyeluruh**

- a. **Surat Memohon Dokumen dan Maklumat** akan dikeluarkan kepada pembayar cukai / majikan melalui e-mel rasmi atau pos bagi mendapatkan dokumen dan maklumat.
- b. Pembayar cukai / majikan dikehendaki memberikan maklum balas dalam tempoh empat belas (14) hari kalendar dari tarikh Surat Memohon Dokumen dan Maklumat.
- c. Sekiranya didapati dokumen yang diperlukan berkenaan dengan transaksi perniagaan di Malaysia disimpan di luar negara oleh syarikat yang berkaitan, adalah menjadi tanggungjawab pembayar cukai / majikan untuk menyediakan semua dokumen tersebut di premis pembayar cukai untuk semakan audit atau mengemukakannya sebelum lawatan audit.
- d. Kegagalan pembayar cukai / majikan mengemukakan maklum balas dalam masa yang ditetapkan, tidak menghalang tindakan audit diteruskan dengan

**RANGKA KERJA AUDIT CUKAI PENDAPATAN DAN MAJIKAN**  
**Tarikh Kuat Kuasa : 15 Mac 2025**

---

menggunakan kaedah yang bersesuaian berdasarkan dokumen dan maklumat sedia ada.

- e. Kegagalan pembayar cukai mengemukakan dokumen dalam tempoh ditetapkan boleh menyebabkan amaun tuntutan perbelanjaan yang telah dibuat tidak dibenarkan dalam pengiraan cukai dan Notis Taksiran Tambahan dibangkitkan.
- f. Bagi situasi di mana LHDNM memperolehi maklumat pendapatan yang gagal atau kurang dilaporkan oleh pembayar cukai, kegagalan pembayar cukai mengemukakan bantahan bersama dokumen sokongan dalam tempoh ditetapkan akan menyebabkan Notis Taksiran Tambahan dibangkitkan.
- g. LHDNM akan membuat semakan awal ke atas dokumen yang dikemukakan serta menyediakan senarai permohonan dokumen tambahan sekiranya perlu.
- h. LHDNM boleh mengadakan lawatan ke mana-mana premis pembayar cukai / majikan atau berkaitan pembayar cukai / majikan dengan memaklumkan kepada pembayar cukai / majikan terlebih dahulu.
- i. Bagi kes semakan menyeluruh yang melibatkan lawatan ke premis pembayar cukai / majikan, **Surat Pemberitahuan Lawatan Pematuhan** akan dikeluarkan kepada pembayar cukai / majikan sekurang-kurangnya empat belas (14) hari kalendar sebelum tarikh lawatan.
- j. Lawatan audit bagi kes audit majikan hanya terpakai bagi kaedah semakan menyeluruh / audit majikan seksyen 107 ACP sahaja.
- k. Pembayar cukai / majikan boleh menghubungi Pengarah Operasi Negeri / Pengarah Bahagian LHDNM yang berkenaan bagi tujuan pengesahan lawatan audit tersebut.
- l. Sekiranya Surat Pemberitahuan Lawatan Pematuhan dikeluarkan, pembayar cukai / majikan boleh membuat permohonan untuk menangguhkan tarikh lawatan audit atas sebab-sebab yang munasabah dan tidak dapat dielakkan.

- m. Surat Pemberitahuan Lawatan Pematuhan akan mengandungi perkara-perkara berikut:
  - i. tarikh lawatan;
  - ii. senarai rekod-rekod yang perlu disediakan;
  - iii. tahun taksiran / tahun saraan yang akan diaudit;
  - iv. nama pegawai audit; dan
  - v. jangka masa lawatan.
- n. Bagi kes semakan menyeluruh **tanpa lawatan** ke premis pembayar cukai, **Surat Penentuan Permulaan Tempoh Penyelesaian Kes** akan dikeluarkan kepada pembayar cukai.
- o. Semakan audit dengan pemakluman boleh dipanjangkan ke atas syarikat / perniagaan berkaitan atau yang mempunyai kawalan oleh pembayar cukai, sekiranya perlu.

## 6.2 Lawatan Audit Cukai / Majikan

- 6.2.1 Lawatan audit hanya terpakai bagi kaedah semakan menyeluruh sahaja. Semakan audit boleh dilaksanakan di lokasi seperti berikut:
  - a. premis perniagaan pembayar cukai / pejabat majikan;
  - b. pejabat LHDNM (secara bersemuka / dalam talian); atau
  - c. lokasi lain yang sesuai dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak termasuk di premis ejen cukai.
- 6.2.2 Semasa lawatan audit cukai / audit majikan, pegawai audit akan:
  - a. memperkenalkan diri dan menunjukkan kad kuasa yang memaparkan nama dan gambar pegawai berkenaan atau surat kuasa yang dikeluarkan oleh LHDNM;
  - b. memberitahu tujuan lawatan kepada pembayar cukai / majikan di peringkat awal lawatan;

- c. memaklumkan kepada pembayar cukai / majikan / ejen cukai bahawa di bawah seksyen 80 ACP, seksyen 33 APCP dan / atau lain-lain subseksyen di bawah akta-akta lain yang ditadbir oleh LHDNM, pegawai berkenaan pada setiap masa mempunyai kuasa sepenuhnya dan bebas untuk:
  - i. memasuki serta memeriksa segala tanah, bangunan dan tempat; dan
  - ii. melihat segala buku, dokumen, objek, artikel, material dan barang serta memeriksa, mengambil, membuat salinan atau cabutan daripada apa-apa dokumen tanpa membuat apa-apa bayaran.
- d. Selain daripada itu, pegawai berkenaan turut bertanggungjawab untuk:
  - i. memberitahu skop dan tempoh semakan / pemeriksaan dokumen yang perlu diambil untuk audit;
  - ii. memberitahu nama, nombor telefon pejabat pegawai dan pegawai kanan yang mengawasi pengauditan;
  - iii. memberitahu hak dan tanggungjawab pembayar cukai / majikan semasa pengauditan dijalankan;
  - iv. membuat semakan / pemeriksaan dokumen di tempat-tempat yang dilawati;
  - v. mengakses, memuat turun dan mengambil maklumat yang berkaitan daripada sebarang peralatan media elektronik; dan
  - vi. menemuduga pembayar cukai / majikan serta mana-mana orang / kakitangan utama / pekerja-pekerja yang berkenaan mengikut keperluan di premis yang dilawati.

6.2.3 Selain daripada tempat di mana rekod-rekod perniagaan disimpan, pegawai audit juga boleh melawat lokasi terpilih, contohnya kilang pembuatan dan gudang penyimpanan yang berkaitan bertujuan melengkapkan proses pemahaman industri dan perniagaan pembayar cukai.

### 6.3 Tempoh Lawatan Audit

- 6.3.1 Tempoh masa yang diperlukan untuk lawatan semakan menyeluruh audit cukai / audit majikan adalah antara **satu (1) hingga tiga (3)** hari.
- 6.3.2 Walau bagaimanapun, tempoh tersebut mungkin dilanjutkan bergantung kepada faktor-faktor berikut:
- a. saiz dan kerumitan transaksi perniagaan yang dijalankan;
  - b. bentuk rekod yang disimpan; atau
  - c. tahap kerjasama yang diberikan oleh pembayar cukai / majikan.

### 6.4 Semakan Rekod / Pemeriksaan Aset

- 6.4.1 Semasa proses pengauditan, pegawai audit hendaklah dibenarkan menyemak semua rekod perniagaan termasuk:
- a. rekod kewangan syarikat / perniagaan;
  - b. rekod dan dokumen stok;
  - c. lejar transaksi / baucar bayaran / penyata bank;
  - d. dokumen majikan seperti rekod *payroll*, baucar bayaran gaji / elaun / emolumen, penyata gaji tahunan, Borang E / CP.8.D / CP39, akuan bayaran PCB dan sebagainya;
  - e. memeriksa aset perniagaan secara fizikal bagi mengesahkan tuntutan yang dibuat; dan
  - f. lain-lain dokumen yang berkaitan.
- 6.4.2 Dalam keadaan tertentu pegawai audit juga perlu menyemak rekod-rekod selain daripada rekod perniagaan pembayar cukai bagi kes pengauditan perniagaan milik tunggal dan juga perkongsian.

- 6.4.3 Di bawah peruntukan seksyen 80 ACP, seksyen 33 APCP, seksyen 22D ACAPL, pegawai audit dibenarkan mengakses sepenuhnya rekod-rekod pembayar cukai / majikan. Sekiranya perlu, pegawai audit hendaklah dibenarkan membuat salinan rekod dan dokumen yang berkaitan.
- 6.4.4 Sekiranya terdapat keperluan untuk pengambilan dokumen dan rekod asal pembayar cukai / majikan oleh pegawai audit, pegawai audit akan menyediakan senarai dan akuan terimaan pengambilan dokumen dan rekod yang mana senarai tersebut akan ditandatangani oleh pegawai audit dan pembayar cukai / majikan atau ejen cukai. Pembayar cukai / majikan boleh menyemak dokumen dan rekod tersebut serta membuat salinan ke atas senarainya (jika perlu).
- 6.4.5 Sekiranya buku dan rekod perakaunan / dokumen majikan seperti contoh *payroll*, baucer bayaran dan rekod kewangan disimpan secara elektronik, pegawai audit dibenarkan mengakses sistem komputer, *server* atau gajet serta memuat turun data-data perakaunan tersebut ke dalam cakera padat, pemacu pena (*pen drive*), cakera keras mudah alih (*portable hard disk*) atau sebarang media penyimpanan lain.
- 6.4.6 Pegawai audit akan menjalankan semakan ke atas semua dokumen dan rekod yang berkaitan bagi menentukan amaun pendapatan yang betul telah dilaporkan, amaun PCB / CP38 yang dipotong dan diremit adalah tepat dan tanggung jawab majikan di bawah seksyen 83 adalah dipatuhi. Rekod-rekod tersebut secara umumnya adalah seperti berikut:
- a. Rekod Perniagaan
    - i. Pembayar cukai boleh mendapatkan panduan berhubung dengan simpanan rekod melalui ketetapan umum yang dikeluarkan oleh LHDNM.
    - ii. Menurut seksyen 138A ACP, Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) diberi kuasa untuk mengeluarkan ketetapan umum bagi menjelaskan interpretasi sesuatu peruntukan yang terkandung dalam ACP.

iii. Ketetapan umum berhubung dengan penyimpanan rekod telah dikeluarkan seperti berikut:

- a) Ketetapan Umum LHDNM No. 4/2000: Penyimpanan Rekod Yang Mencukupi (Syarikat dan Koperasi) (Pindaan);
- b) Ketetapan Umum LHDNM No. 5/2000: Penyimpanan Rekod Yang Mencukupi (Individu dan Perkongsian) (Pindaan); dan
- c) Ketetapan Umum LHDNM No. 6/2000: Penyimpanan Rekod Yang Mencukupi (Orang Selain Daripada Syarikat, Koperasi atau Individu) (Pindaan).

b. Rekod Selain Daripada Rekod Perniagaan

Bagi kes-kes audit selain syarikat di mana rekod tidak mencukupi seperti perniagaan milik tunggal dan perkongsian, pegawai audit perlu menyemak rekod-rekod perniagaan sedia ada dan juga rekod / maklumat tambahan seperti berikut:

- i. penyata bank;
- ii. penyata kad kredit;
- iii. pemilikan harta;
- iv. perbelanjaan peribadi / keluarga;
- v. perkara-perkara lain sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 79 ACP.

6.4.7 Peruntukan seksyen 82 dan 82A ACP, seksyen 34A APCP dan seksyen 22E ACAPL, menghendaki pembayar cukai / majikan menyimpan rekod yang mencukupi dan lengkap bagi membolehkan pendapatan atau kerugian daripada perniagaan ditentukan. Rekod dan dokumen adalah termasuk:

- a. buku akaun yang merekod penerimaan dan pembayaran atau pendapatan dan perbelanjaan;

- b. penyata kewangan;
- c. invois, baucar, resit dan sebarang dokumen lain yang perlu untuk mengesahkan mana-mana perkara yang direkodkan dalam buku akaun;
- d. Semua perjanjian, kontrak dan lain-lain dokumen berkaitan aktiviti perniagaan dengan syarikat berkaitan dan pihak ketiga;
- e. senarai gaji, lejar pembayaran emolumen, baucar bayaran gaji dan elaun, slip gaji, penyata gaji tahunan (penyata EA / EC), Borang E dan CP.8.D, Borang CP39, akuan bayaran PCB, dan sebarang rekod lain termasuk rekod pembayaran cukai pendapatan syarikat dan individu yang ditetapkan oleh KPHDN;
- f. dokumen, objek, bahan-bahan, artikel dan benda yang dikendalikan dan disimpan dalam sebarang bentuk medium elektronik; dan
- g. sebarang rekod lain yang ditetapkan oleh KPHDN.

6.4.8 Kegagalan mematuhi subseksyen 82(1), 82(3) dan 82(5) ACP, seksyen 34A APCP dan / atau lain-lain subseksyen di bawah akta-akta lain yang ditadbir oleh LHDNM, untuk menyimpan rekod yang mencukupi dan lengkap adalah satu kesalahan di bawah seksyen 119A ACP, seksyen 57A APCP dan / atau lain-lain subseksyen di bawah akta-akta lain yang ditadbir oleh LHDNM.

6.4.9 Sekiranya pembayar cukai / majikan gagal menyimpan rekod yang mencukupi dan lengkap, pegawai audit akan menggunakan kaedah atau pendekatan yang terbaik bagi menentukan sesuatu pendapatan telah dilaporkan / pematuhan tanggungjawab majikan di bawah seksyen 83 dan 107 ACP serta KKCP adalah betul dan sepatutnya.

## **6.5 Penemuan Audit Cukai**

6.5.1 Pembayar cukai boleh diminta hadir ke pejabat LHDNM bagi membincangkan isu penemuan audit yang terlibat.

- 6.5.2 Selain itu, pembayar cukai boleh hadir sendiri ke pejabat LHDNM bagi mendapatkan penjelasan berkenaan perkembangan proses audit atau memberikan maklumat lanjut bagi mempercepatkan penyelesaian audit.
- 6.5.3 Pembayar cukai akan dimaklumkan secara bertulis melalui **Surat Penemuan Semakan Kes** yang meliputi perkara-perkara berikut:
- a. isu-isu audit yang dibangkitkan; dan
  - b. alasan-alasan dan rasional isu-isu yang dibangkitkan.
- 6.5.4 Pembayar cukai akan diberi peluang untuk memberi maklum balas dan penjelasan berkenaan dengan penemuan audit.
- 6.5.5 Jika pembayar cukai tidak berpuas hati dengan penemuan audit yang dikeluarkan, pembayar cukai boleh membuat **bantahan secara rasmi dalam tempoh lapan belas (18) hari kalendar** dari tarikh Surat Penemuan Semakan Kes dengan mengemukakan maklumat tambahan dan bukti-bukti untuk menyokong bantahannya.
- 6.5.6 Bantahan pembayar cukai akan disemak dan pembayar cukai akan dimaklumkan sewajarnya berkenaan penemuan audit yang dimuktamadkan melalui **Surat Pemberitahuan Keputusan Perbincangan**.
- 6.5.7 Jika tiada bantahan diterima dalam tempoh lapan belas (18) hari kalendar dari tarikh Surat Penemuan Semakan Kes, pembayar cukai dianggap telah bersetuju dengan penemuan audit tersebut, dan Notis Taksiran akan dibangkitkan.

## 6.6 **Penemuan Audit Majikan**

- 6.6.1 Bagi kes audit majikan seksyen 107 ACP dan seksyen 83 ACP, surat penemuan audit akan dikeluarkan mengikut kategori penemuan seperti berikut:
- a. Majikan patuh;
  - b. Majikan tidak patuh; atau
  - c. Majikan tidak layak PCB.

- 6.6.2 Surat Penemuan Audit kepada majikan yang gagal patuh akan dikemukakan berserta Penyata Pengiraan PCB semua pekerja dan penyata kompaun (cadangan amaun kompaun).
- 6.6.3 Jika majikan tidak berpuas hati dengan penemuan audit yang dikeluarkan, majikan boleh membuat bantahan secara rasmi dalam tempoh lapan belas (18) hari kalendar dari tarikh surat penemuan audit dengan mengemukakan maklumat tambahan dan bukti-bukti untuk menyokong bantahannya.
- 6.6.4 Bantahan majikan akan disemak dan pemakluman sewajarnya akan dibuat kepada majikan bagi sebarang penemuan audit yang dimuktamadkan selepas semakan dilakukan.
- 6.6.5 Jika tiada bantahan diterima dalam tempoh lapan belas (18) hari kalendar dari tarikh surat penemuan audit, majikan dianggap bersetuju dengan penemuan audit tersebut.
- 6.6.6 Majikan yang bersetuju dengan penemuan audit boleh menghubungi Cawangan Guaman Lembah Klang atau Seksyen Undang-Undang LHDNM Negeri yang berkenaan untuk pembayaran kompaun.

## 6.7 **Penyelesaian Audit**

- 6.7.1 Jumlah pelarasan pendapatan, cukai dan penalti (jika ada) dan tahun-tahun taksiran yang terlibat akan dimaklumkan melalui **Surat Penyelesaian Kes**.
- 6.7.2 Seterusnya notis taksiran cukai atau surat pemberitahuan tidak kena cukai akan dikeluarkan.
- 6.7.3 Sekiranya tiada isu ditemui dan tiada pelarasan dibuat, **Surat Penyelesaian Kes Tanpa Pelarasan Pendapatan** akan dikeluarkan.
- 6.7.4 Bagi kes semakan umum di mana LHDNM mempunyai dokumen dan maklumat yang jelas sebagai asas untuk membangkitkan taksiran, Surat Penemuan Semakan Kes tidak akan dikeluarkan. Walau bagaimanapun, Notis Taksiran yang dibangkitkan akan dikemukakan kepada pembayar cukai bersama maklumat pelarasan pendapatan dan pengiraan cukai yang dikenakan.

**RANGKA KERJA AUDIT CUKAI PENDAPATAN DAN MAJIKAN**  
**Tarikh Kuat Kuasa : 15 Mac 2025**

6.7.5 Permulaan tempoh penyelesaian audit mengikut kaedah semakan adalah seperti berikut:

Kaedah Semakan Audit		Permulaan Tempoh Penyelesaian
Semakan Umum		Tarikh Surat Memohon Dokumen dan Maklumat dikeluarkan kepada pembayar cukai / majikan.
Semakan Menyeluruh	Lawatan ke premis pembayar cukai / majikan atau mana-mana tempat yang dipersetujui	Tarikh permulaan lawatan audit
	Pejabat LHDNM (secara bersemuka / dalam talian)	Tarikh Surat Penentuan Permulaan Tempoh Penyelesaian Kes dikeluarkan

6.7.6 Kes audit cukai / audit majikan perlu diselesaikan dari tarikh permulaan audit seperti berikut:

Bil	Tempoh Penyelesaian Kes Audit Cukai		
	Jenis Aktiviti Audit	Jenis Aktiviti Perniagaan	Tempoh Penyelesaian
1	Audit Cukai / Majikan		90 hari kalendar
2	Cukai Pegangan	Pembayar ( <i>payor</i> )	90 hari kalendar
		Penerima ( <i>payee</i> )	180 hari kalendar
3	Kewangan dan Insurans	Pajakan kewangan, <i>factoring</i> , perkhidmatan kad kredit, broker stok, saham dan bon, operasi dan perkhidmatan pasaran kewangan / perantara kewangan lain	90 hari kalendar
		Broker, ejen dan <i>adjuster</i> (Insurans dan Takaful termasuk <i>Re-Insurance</i> dan <i>Re-Takaful</i> )	
		Bank perdagangan, bank pelaburan, bank Islam dan institusi kewangan lain	240 hari kalendar
Perniagaan Insurans dan Takaful termasuk <i>Re-Insurance</i> dan <i>Re-Takaful</i>			
4	Cukai Petroleum	Eksplorasi	450 hari kalendar
		Produksi	

- 6.7.7 Walau bagaimanapun, tempoh penyelesaian di atas tidak terpakai bagi kes yang melibatkan pengesahan lanjut diperlukan dari pihak berkaitan.
- 6.7.8 Kes audit yang telah diselesaikan tidak akan diaudit semula bagi tahun taksiran dan isu yang sama. Walau bagaimanapun, jika terdapat isu-isu lain atau maklumat baharu yang diterima bagi tahun taksiran berkenaan, pengauditan semula boleh dijalankan.

## **7.0 PENGAKUAN SUKARELA**

- 7.1 Pengakuan sukarela bermaksud pembayar cukai membuat pengakuan berkaitan pengiraan pendapatan bercukai selepas tarikh akhir pengemukaan BN secara bertulis melalui surat atau medium elektronik kepada Pengarah Operasi Negeri / Pengarah Bahagian LHDNM yang berkenaan pada bila-bila masa **sebelum tindakan audit bermula**.
- 7.2 Bagi audit majikan, pengakuan sukarela bermaksud majikan membuat pengakuan sukarela secara bertulis melalui surat atau media elektronik kepada Pengarah Operasi Negeri / Pengarah Bahagian LHDNM yang berkenaan, selepas tempoh yang ditetapkan untuk bayaran PCB atau wang yang ditahan sepatutnya dipotong / diremitkan atau selepas tempoh yang ditetapkan untuk pengemukaan Borang E atau notis bertulis sepatutnya dikemukakan, dan pada bila-bila masa **sebelum tindakan audit majikan bermula**.
- 7.3 **Tindakan audit bermula** bagi tujuan pengakuan sukarela bermaksud tindakan pada tarikh Surat Memohon Dokumen dan Maklumat yang mana surat tersebut akan dikeluarkan kepada pembayar cukai melalui e-mel rasmi atau pos bagi tujuan pertanyaan atau mendapatkan maklumat atau dokumen yang berkaitan dengan isu audit.
- 7.4 Pengakuan sukarela perlu dikemukakan bersama dokumen asas seperti berikut:
  - 7.4.1 Salinan Borang Nyata Cukai Pendapatan;
  - 7.4.2 Akaun beraudit / penyata pendapatan;
  - 7.4.3 Maklumat-maklumat insentif dan pematuhan syarat;

- 7.4.4 Pengiraan cukai asal dan pindaan yang lengkap;
  - 7.4.5 Maklumat lengkap isu-isu berkaitan pengakuan sukarela bersama lejar / dokumen berkaitan isu pendapatan tambahan; dan
  - 7.4.6 Lain-lain maklumat berkaitan.
- 7.5 LHDNM akan membuat semakan ke atas dokumen-dokumen yang disediakan dan akan memohon dokumen atau maklumat tambahan serta memanggil pembayar cukai / majikan untuk memberikan penjelasan lanjut di pejabat LHDNM sekiranya perlu.
- 7.6 Pembayar cukai / majikan yang gagal mengemukakan dokumen dan maklumat lengkap seperti digariskan dalam RKA CPM ini tanpa alasan yang munasabah adalah dianggap gagal memenuhi syarat pengakuan sukarela dan akan menyebabkan pengakuan sukarelanya tidak diterima.
- 7.7 Pembayar cukai / majikan akan dimaklumkan sekiranya terdapat pelarasan lanjut yang perlu dibuat ke atas amaun pengakuan sukarela yang dikemukakan sebelum pengiraan cukai dimuktamadkan secara persetujuan bersama.
- 7.8 Sekiranya tiada pelarasan lanjut dan amaun pengiraan cukai yang dikemukakan oleh pembayar cukai / majikan diterima seadanya, maka pengakuan sukarela tersebut adalah muktamad dan makluman akan dikeluarkan kepada pembayar cukai sebelum taksiran dibangkitkan.
- 7.9 Sekiranya dokumen yang dikemukakan oleh pembayar cukai / majikan adalah tidak lengkap:
- 7.9.1 lawatan audit akan dibuat atau surat pertanyaan akan dikeluarkan kepada pembayar cukai / majikan;
  - 7.9.2 semakan lanjut akan dibuat ke atas maklumat tambahan yang diperolehi daripada lawatan audit / surat pertanyaan tersebut;
- 7.10 Pengakuan sukarela ini hanya ditawarkan kepada pembayar cukai yang patuh kepada tanggungjawab pengemukaan BN sahaja.

## **8.0 HAK DAN TANGGUNGJAWAB**

### **8.1 PEGAWAI AUDIT LHDNM**

8.1.1 Pegawai audit dikehendaki mematuhi peraturan dan kod etika yang digariskan oleh LHDNM dalam menjalankan tugasnya seperti berikut:

- a. profesional, bersopan, amanah, jujur dan berintegriti;
- b. sentiasa bersedia menerangkan tujuan kerja pengauditan dan hak serta tanggungjawab pembayar cukai / majikan;
- c. berpengetahuan dan melaksanakan undang-undang percukaian dengan adil dan saksama;
- d. bekerjasama dan sedia memberi nasihat dan bimbingan kepada pembayar cukai / majikan;
- e. memastikan pelaksanaan audit berjalan lancar dengan penggunaan masa yang optimum;
- f. meminta dokumen, buku akaun dan maklumat-maklumat yang berkaitan sahaja;
- g. memberi penjelasan ke atas penemuan semakan kes serta memberi peluang kepada pembayar cukai / majikan memberi penjelasan dan maklum balas ke atas isu-isu yang dipertikaikan di dalam tempoh yang ditetapkan; dan
- h. memastikan hak dan kepentingan pembayar cukai / majikan, ejen cukai dan dokumen-dokumen pembayar cukai terpelihara.

8.1.2 Pengenalan diri pegawai audit:

- a. setiap pegawai audit diberikan kad kuasa yang tertera nama dan gambar. Kad ini juga mengandungi kenyataan bahawa pegawai berkenaan diberi kuasa menyemak buku-buku akaun, dokumen serta rekod di premis pembayar cukai / majikan;

- b. pembayar cukai / majikan dinasihatkan untuk memeriksa kad kuasa bagi mengesahkan kesahihan identiti pegawai audit; dan
- c. pembayar cukai / majikan boleh menyemak dengan Pengarah Operasi Negeri / Pengarah Bahagian LHDNM yang berkenaan jika merasa sangsi terhadap kesahihan identiti pegawai audit.

8.1.3 Pegawai audit dilarang:

- a. mempunyai kepentingan peribadi atau kewangan terhadap perniagaan pembayar cukai / majikan yang diaudit;
- b. mengesyorkan kepada pembayar cukai / majikan untuk melantik ejen cukai tertentu sebagai ejen bagi sesuatu kes audit; dan
- c. menyalahgunakan kedudukan atau kuasa yang ada dalam menjalankan tugas, sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 118 ACP dan seksyen 56 APCP.

## 8.2 PEMBAYAR CUKAI / MAJIKAN

8.2.1 Tanggungjawab pembayar cukai / majikan:

- a. memberikan kerjasama, bersopan, berlaku adil, jujur dan berintegriti;
- b. menyediakan kemudahan dan bantuan yang munasabah bagi membolehkan pegawai audit menjalankan tugas sebagaimana yang digariskan dalam Ketetapan Umum No. 7/2000 – Memberi Kemudahan dan Bantuan Yang Munasabah yang antaranya adalah seperti berikut:
  - i. membenarkan pegawai audit memasuki premis perniagaan, memberi maklumat dan menyediakan dokumen-dokumen dan rekod-rekod untuk disemak;
  - ii. memberi penerangan berhubung dengan perniagaan, sistem perakaunan dan maklumat;

- iii. memberi kebenaran menyemak dan menyalin rekod, dokumen dan buku akaun sama ada dalam bentuk fizikal dan / atau elektronik;
  - iv. membantu menyediakan dan / atau mengakses rekod, dokumen, buku akaun yang disimpan secara fizikal dan / atau elektronik; dan
  - v. membenarkan penggunaan mesin penyalin, telefon atau alat komunikasi yang lain, peralatan elektrik, ruang pejabat, perabot dan kemudahan sistem salinan elektronik seperti cakera padat, pemacu pena (*pen drive*), cakera keras mudah alih (*portable hard disk*) atau sebarang media penyimpanan lain.
- c. memberi kerjasama untuk menjawab semua soalan yang dikemukakan:
- i. sekiranya soalan yang dikemukakan adalah kurang jelas, pembayar cukai / majikan boleh memohon penjelasan lanjut daripada pegawai audit;
  - ii. bagi kes perniagaan tunggal atau perkongsian, pembayar cukai boleh disoal mengenai soalan-soalan peribadi berhubung perbelanjaan, simpanan, akaun bank, aset-aset dan lain-lain; dan
  - iii. pembayar cukai dianggap melakukan satu kesalahan di bawah peruntukan ACP, APCP, ACAPL dan KKCP sekiranya gagal bekerjasama dalam memberikan maklumat yang diperlukan.
- d. mematuhi notis di bawah seksyen 81 ACP / notis di bawah seksyen 34 APCP.

**8.2.2** Pembayar cukai / majikan adalah dilarang:

- a. memberi sebarang bentuk hadiah kepada pegawai audit dan berurusniaga dengan pegawai audit sepanjang tempoh pengauditan dijalankan;
- b. membuat sebarang bentuk bayaran kepada pegawai audit; dan

- c. menghalang pegawai audit daripada menjalankan tugas. Halangan tersebut adalah satu kesalahan di bawah seksyen 116 ACP dan seksyen 54 APCP yang melibatkan perkara-perkara berikut:
  - i. menghalang atau enggan membenarkan pegawai audit memasuki mana-mana tanah, bangunan dan tempat menurut seksyen 80 ACP, seksyen 33 APCP dan seksyen 22D ACAPL;
  - ii. menghalang pegawai audit untuk menjalankan fungsi-fungsi dan tugas di bawah ACP, APCP dan ACAPL;
  - iii. enggan mengemukakan apa-apa buku akaun atau dokumen lain dalam jagaannya atau di bawah kawalannya apabila diminta berbuat demikian oleh pegawai audit;
  - iv. gagal memberikan bantuan yang munasabah kepada pegawai audit dalam menjalankan tugasnya; atau
  - v. enggan menjawab apa-apa soalan yang berkaitan semasa audit dijalankan.

#### 8.2.3 Hak melantik ejen cukai / jurubahasa

- a. Pembayar cukai / majikan berhak melantik ejen cukai berdaftar dalam pelaksanaan audit cukai LHDNM sekiranya perlu.
- b. Lantikan ejen cukai perlu dibuat secara rasmi melalui pengeluaran surat lantikan ejen cukai dan salinan surat berkenaan perlu dikemukakan kepada LHDNM sebelum sebarang fungsi ejen dimulakan.
- c. Pembayar cukai / majikan juga berhak untuk menggunakan khidmat jurubahasa semasa sesi temu duga atau perbincangan sekiranya pembayar cukai tidak fasih berbahasa Melayu atau Inggeris.

### **8.3 EJEN CUKAI BERDAFTAR**

- 8.3.1 Seorang individu hanya dibenarkan menjalankan profesion sebagai ejen cukai, konsultan cukai atau penasihat cukai untuk mewakili pembayar cukai / majikan sekiranya orang tersebut adalah seorang ejen cukai sepertimana yang ditakrifkan di bawah subseksyen 153(3) ACP iaitu mana-mana akauntan profesional atau orang yang diluluskan oleh Menteri Kewangan di bawah subseksyen 153(1) ACP.
- 8.3.2 LHDNM berhak menolak pelantikan ejen oleh pembayar cukai sekiranya orang yang dilantik gagal mengemukakan bukti kelulusan ejen cukai di bawah subseksyen 153(3) ACP yang masih berkuat kuasa.
- 8.3.3 Seorang ejen cukai mempunyai tanggungjawab sosial terhadap negara secara keseluruhannya. Ejen cukai perlu memberikan nasihat terbaik kepada pelanggannya serta menegaskan kepada pelanggannya tentang kewajipan membayar cukai seperti yang dikehendaki oleh undang-undang.
- 8.3.4 Ejen cukai berdaftar adalah tertakluk kepada kod etika yang telah dikeluarkan oleh LHDNM yang berasaskan kepada prinsip-prinsip berkaitan dengan integriti, akauntabiliti, ketelusan dan tanggungjawab sosial. Kegagalan ejen cukai mematuhi Kod Etika Ejen Cukai boleh mengakibatkan kelulusan ejen cukai ditarik balik atau ditamatkan atau tidak diperbaharui.
- 8.3.5 Dalam melaksanakan tugas, ejen cukai berdaftar hendaklah:
- a. berintegriti, mempunyai nilai profesionalisme dan berpengetahuan tinggi terhadap undang-undang dan amalan percukaian;
  - b. jujur, amanah, telus dan sentiasa memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pembayar cukai / majikan dan juga LHDNM, seperti memaklumkan penamatan khidmat mereka sebagai ejen cukai serta sentiasa mengikuti prosedur dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh LHDNM;
  - c. tidak menggunakan maklumat yang diperolehi atau menyalahgunakan kedudukan sebagai ejen cukai bagi tujuan kepentingan peribadi;

- d. sentiasa memberikan maklum balas yang tepat berkenaan perkembangan proses pengauditan dan menasihati pembayar cukai / majikan berdasarkan kepada fakta yang tepat dan betul; dan
- e. memelihara kerahsiaan sesuatu maklumat dan memastikan maklumat tersebut tidak didedahkan kepada pihak yang tidak diberi kuasa (subseksyen 138(1) ACP, subseksyen 71(1) APCP dan subseksyen 20(1) ACAPL).

**8.3.6 Ejen cukai berdaftar adalah dilarang:**

- a. memberikan nasihat yang salah serta bekerjasama dengan pembayar cukai / majikan untuk mengurangkan amaun cukai yang sepatutnya;
- b. melengahkan proses penyelesaian audit cukai / majikan atau melepaskan tanggungjawab yang telah diamanahkan; dan
- c. menawar atau memberi sebarang bentuk hadiah kepada pegawai audit termasuk bagi pihak pembayar cukai / majikan.

## **9.0 KERAHSIAAN MAKLUMAT**

LHDNM akan memastikan semua maklumat yang diperolehi daripada pembayar cukai / majikan sama ada melalui temu duga, perbincangan, surat menyurat atau semakan rekod dan dokumen adalah rahsia dan hanya digunakan bagi tujuan cukai pendapatan sahaja.

## **10.0 KESALAHAN / PENALTI / KENAIKAN CUKAI / DENDA / KUASA MENGGOMPAUN**

### **10.1 Audit Cukai Pendapatan / Petroleum / Cukai Keuntungan Modal**

- 10.1.1 Sekiranya terdapat kekurangan atau ketinggalan sebarang pendapatan berikutan daripada penemuan audit, penalti bersamaan dengan amaun cukai yang terkurang (100%) boleh dikenakan di bawah subseksyen 113(2) ACP dan subseksyen 52(2) APCP. Namun, bagi maksud RKA CPM ini, penalti di

bawah subseksyen 113(2) ACP dan subseksyen 52(2) APCP dikenakan pada kadar seperti berikut:

<b>Kesalahan</b>	<b>Kadar</b>
Penalti kesalahan pertama	15%
Penalti kesalahan kedua	30%
Penalti kesalahan ketiga dan seterusnya	45%

- 10.1.2 Walau bagaimanapun, KPHDN boleh menggunakan kuasa budi bicara berdasarkan subseksyen 124(3) ACP / seksyen 63 APCP untuk mengurang atau menghapuskan penalti yang dikenakan.
- 10.1.3 Penentuan kadar penalti pembayar cukai bagi kesalahan pertama atau kesalahan kedua adalah merujuk kepada rekod pengenaan penalti di bawah subseksyen 113(2) ACP / 52(2) APCP mulai 01 Januari 2020 sehingga 30 April 2022. Sekiranya pembayar cukai tidak dikenakan penalti di bawah subseksyen 113(2) ACP / 52(2) APCP dalam tempoh 01 Januari 2020 sehingga 30 April 2022, sebarang penemuan audit mulai 01 Mei 2022 yang melibatkan pengenaan penalti di bawah subseksyen 113(2) ACP / 52(2) APCP akan dianggap sebagai kesalahan pertama (15%). Sebaliknya, jika pembayar cukai telah dikenakan penalti di bawah subseksyen 113(2) ACP / 52(2) APCP dalam tempoh 01 Januari 2020 sehingga 30 April 2022, sebarang penemuan audit mulai 01 Mei 2022 yang melibatkan pengenaan penalti di bawah subseksyen 113(2) ACP / 52(2) APCP akan dianggap sebagai kesalahan kedua (30%).
- 10.1.4 Bagi penemuan audit yang melibatkan pelarasan teknikal, penalti di bawah subseksyen 113(2) ACP / 52(2) APCP atas kekurangan atau ketinggalan sebarang pendapatan tidak akan dikenakan (0%).
- 10.1.5 Pelarasan teknikal adalah merujuk kepada kes yang melibatkan perbezaan tafsiran perundangan cukai yang ditentukan berdasarkan fakta dan isu setiap kes.

- 10.1.6 Sekiranya LHDNM telah mengeluarkan pendirian melalui Ketetapan Umum / Garis Panduan / Nota Amalan / Peraturan-Peraturan Cukai Pendapatan / Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) / Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan, pertimbangan kepada alasan pelarasan teknikal adalah tidak terpakai. Sekiranya terdapat penipuan cukai yang mana pembayar cukai didapati dengan sengaja membuat pelaporan cukai yang tidak betul, penalti akan dikenakan di bawah subseksyen 113(2) ACP / 52(2) APCP pada kadar 100% atas cukai yang terkurang.
- 10.1.7 Kadar penalti konsesi boleh dikenakan bagi kes-kes di mana pengakuan secara sukarela dibuat oleh pembayar cukai. Pembayar cukai tidak layak membuat pengakuan sukarela apabila tindakan audit telah bermula.
- 10.1.8 Kadar penalti di bawah subseksyen 113(2) ACP / 52(2) APCP bagi kes pengakuan sukarela adalah 15%. Walau bagaimanapun, jika pembayar cukai telah mengemukakan pengakuan sukarela pertama melalui Borang Nyata Terpinda (BNT) dan selanjutnya membuat pengakuan sukarela tambahan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh akhir pengemukaan BN, kadar penalti bagi pengakuan sukarela tersebut adalah 10%.

## **10.2 Audit Cukai Pegangan**

- 10.2.1 Sekiranya terdapat kegagalan / terkurang bayar cukai pegangan daripada penemuan audit, kenaikan cukai akan dikenakan di bawah subseksyen 107A(2), 109(2), 109B(2), 109D(3), 109E(4), 109F(2) dan subseksyen 109G(2) ACP.
- 10.2.2 Mulai tahun taksiran 2011, sebagai tambahan kepada kenaikan cukai lewat bayar yang disebut dalam perenggan 10.2.1 di atas, KPHDN diberi kuasa untuk mengenakan penalti di bawah subseksyen 113(2) ACP jika:
- a. Potongan bagi perbelanjaan yang berkaitan dengan bayaran tersebut telah dituntut dalam BN yang dikemukakan atau dituntut dalam maklumat yang diberikan kepada KPHDN dalam mengira pendapatan larasan pembayar (proviso kepada seksyen 39 / perenggan 2D Jadual 3 ACP); atau

**RANGKA KERJA AUDIT CUKAI PENDAPATAN DAN MAJIKAN**  
**Tarikh Kuat Kuasa : 15 Mac 2025**

- b. Potongan cukai pegangan dibuat atau dibayar selepas tarikh akhir pengemukaan BN bagi suatu tahun taksiran yang berkaitan dengan pembayaran pendapatan yang tertakluk kepada cukai pegangan.

10.2.3 Kadar kenaikan konsesi boleh dikenakan bagi kes-kes di mana pengakuan secara sukarela dibuat oleh pembayar. Oleh itu, pembayar adalah digalakkan membuat pengakuan secara sukarela sebelum audit dilaksanakan. Semua pengakuan sukarela hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pengarah Negeri / Cawangan Khas yang berkenaan.

10.3 Ringkasan Kadar Penalti / Kenaikan Cukai

Oleh itu, bagi maksud RKA CPM ini, ringkasan kadar penalti / kenaikan cukai yang dikenakan ke atas penemuan audit adalah seperti berikut:

Aktiviti Audit	Jenis Kesalahan		Kadar Penalti
Audit Cukai Pendapatan, Audit Cukai Petroleum dan Audit Cukai Keuntungan Modal	Penemuan audit ( <i>incorrect returns</i> ) Nota: Penentuan bilangan kesalahan, sila rujuk 10.1.3	Penalti kesalahan pertama	15%
		Penalti kesalahan kedua	30%
		Penalti kesalahan ketiga dan seterusnya	45%
	Pelarasan Teknikal		0%
	Penipuan Cukai ( <i>willful Default / Fraud</i> )		100%

**RANGKA KERJA AUDIT CUKAI PENDAPATAN DAN MAJIKAN**  
**Tarikh Kuat Kuasa : 15 Mac 2025**

<b>Aktiviti Audit</b>	<b>Jenis Kesalahan</b>	<b>Kadar Penalti</b>	<b>Aktiviti Audit</b>
Audit Cukai Pendapatan, Audit Cukai Petroleum dan Audit Cukai Keuntungan Modal	Pengakuan sukarela sebelum audit bermula	Dalam tempoh 6 bulan dari tarikh akhir pengemukaan Borang Nyata dengan syarat BNT pertama telah dikemukakan sebelum surat pengakuan sukarela tambahan.	10%
		Selepas tarikh akhir pengemukaan Borang Nyata	15%
Audit Cukai Pegangan	Kegagalan / terkurang / terlewat remit	Kenaikan cukai	10%
		Penalti di bawah subseksyen 113(2) atas kesalahan tuntutan perbelanjaan di bawah seksyen 39 ACP	mengikut bilangan kesalahan audit cukai pendapatan

**10.4 Audit Cukai Labuan**

Di bawah ACAPL, mulai 01 Januari 2025 kesalahan yang dilakukan boleh dikenakan denda dan hukuman seperti berikut:

<b>Peruntukan Undang-Undang</b>	<b>Keterangan Kesalahan</b>	<b>Hukuman</b>
Seksyen 23 ACAPL	a. tidak mengemukakan butir-butir yang betul sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah di bawah perenggan 5(3)(b) atau 10(3)(b) ACAPL	Boleh didenda tidak kurang daripada RM 20,000.00 dan tidak melebihi RM1,000,000.00 atau dipenjara untuk tempoh tidak melebihi dua (2) tahun atau kedua-duanya.

**RANGKA KERJA AUDIT CUKAI PENDAPATAN DAN MAJIKAN**  
**Tarikh Kuat Kuasa : 15 Mac 2025**

Peruntukan Undang-Undang	Keterangan Kesalahan	Hukuman
	<p>b. tidak mematuhi notis yang diberikan di bawah seksyen 22B, 22C atau subseksyen 22D(5) ACAPL</p> <p>c. melanggar seksyen 22EB ACAPL</p>	<p>Walau bagaimanapun, <b>kesalahan boleh dikompaun</b> menurut seksyen 24, ACAPL tidak melebihi 50% dari amaun denda maksima (RM500,000.00) kecuali penalti yang dikenakan apabila disabitkan.</p>
Seksyen 23A ACAPL	Keingkaran mengemukakan penyata keuntungan	<p>Boleh didenda tidak kurang daripada RM 20,000.00 dan tidak melebihi RM1,000,000.00 atau dipenjara untuk tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun atau kedua-duanya.</p>
Seksyen 23B ACAPL	Membuat penyata keuntungan dan maklumat yang tidak betul	<p>Walau bagaimanapun, <b>Kesalahan boleh dikompaun</b> menurut seksyen 24, ACAPL tidak melebihi 50% dari amaun denda maksima (RM500,000.00) kecuali penalti yang dikenakan apabila disabitkan.</p>

### 10.5 Audit Majikan

10.5.1 Bagi kes audit majikan, sebarang penemuan audit berkaitan kesalahan majikan akan dikenakan denda dan hukuman seperti berikut:

Peruntukan Undang-Undang	Keterangan Kesalahan	Hukuman
Seksyen 107 ACP	Tidak mematuhi subkaedah 10(1) atau kaedah 13 KKCP	Boleh didenda tidak kurang daripada RM200.00 dan tidak melebihi RM20,000.00

**RANGKA KERJA AUDIT CUKAI PENDAPATAN DAN MAJIKAN**  
**Tarikh Kuat Kuasa : 15 Mac 2025**

Peruntukan Undang-Undang	Keterangan Kesalahan	Hukuman
		atau dipenjara untuk tempoh tidak melebihi enam (6) bulan atau kedua-duanya.
Perenggan 120(1)(b) ACP	Gagal mengemukakan penyata dibawah subseksyen 83(1) ACP atau penyata dibawah subseksyen 83(1A) atau 83A(1) ACP	<b>Kesalahan boleh dikompaun</b> menurut seksyen 124 ACP.
Perenggan 120(1)(c) ACP	Gagal mengemukakan borang CP22, CP22A / CP22B dan CP21 di bawah subseksyen 83(2), (3) atau (4) ACP	Bagi kes kesalahan berulang, jumlah kesalahan akan diambil kira dalam penentuan amaun kompaun yang boleh dikenakan.
Perenggan 120(1)(e) ACP	Gagal untuk mematuhi arahan di bawah subseksyen 83(5) dan seksyen 107 ACP	

- 10.5.2 Kesalahan berulang bagi aktiviti audit majikan seksyen 107 ACP dan seksyen 83 ACP bermaksud kesalahan yang dilakukan lebih dari sekali atau berulang kali.
- 10.5.3 Kesalahan pertama bagi tujuan penentuan amaun kompaun akan diambil kira daripada tarikh surat penemuan audit yang pertama dikeluarkan kepada majikan tersebut.

## 11.0 PENGADUAN

- 11.1 Pembayar cukai / majikan boleh membuat aduan jika tidak berpuas hati dengan sikap pegawai audit atau cara-cara pengendalian audit cukai kepada Pengarah Operasi Negeri / Pengarah Bahagian / Pengarah Negeri / Ketua Pegawai Sektor Pematuhan Cukai / Timbalan Ketua Pengarah / Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.
- 11.2 LHDNM akan mengambil tindakan tegas, adil dan saksama dalam menangani aduan yang diterima.

- 11.3 LHDNM tidak akan melayan sebarang aduan yang tidak berasas serta mempunyai unsur-unsur atau niat yang tidak baik.
- 11.4 LHDNM akan membuat aduan terhadap ejen cukai atau wakilnya yang tidak memberi kerjasama atau bersikap tidak profesional dan bertentangan dengan kod etika kepada pihak berkuasa berkenaan seperti Kementerian Kewangan Malaysia / *Chartered Tax Institute of Malaysia* / Institut Akauntan Malaysia / Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia / Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia / Majlis Peguam.

## **12.0 PROSEDUR BAYARAN CUKAI / KOMPAUN**

- 12.1 Sekiranya terdapat pengenaan cukai dan penalti berbangkit daripada pelarasan audit, bayaran hendaklah dibuat melalui perkhidmatan ByrHasil di portal rasmi LHDNM / bank komersial yang dilantik oleh LHDNM atau di kaunter Pos Malaysia Berhad dengan menggunakan Nombor Bil / Nombor Pengenalan Cukai (TIN) yang tepat.
- 12.2 Pembayar cukai adalah dikehendaki untuk membuat bayaran penuh terhadap cukai yang dikenakan dan penalti berbangkit daripada pelarasan audit dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh Notis Taksiran dibangkitkan.
- 12.3 Walau bagaimanapun, LHDNM boleh mempertimbangkan permohonan pembayar cukai untuk menjelaskan bayaran cukai tambahan dan penalti secara ansuran bagi tempoh yang ditetapkan, berdasarkan justifikasi yang diberikan.
- 12.4 Permohonan bayaran ansuran perlu dikemukakan kepada Pengarah Operasi Negeri / Pengarah Bahagian LHDNM yang berkenaan untuk kelulusan.
- 12.5 Sekiranya pembayar cukai gagal membuat bayaran dalam tempoh yang ditetapkan atau tempoh ansuran yang dipersetujui, kenaikan cukai akan dikenakan ke atas baki cukai yang tidak dibayar.
- 12.6 Bagi kes yang melibatkan penemuan audit majikan dan pengenaan kompaun, prosedur bayaran kompaun akan dirujuk ke Cawangan Guaman Lembah Klang atau Seksyen Undang-Undang LHDNM Negeri yang berkenaan.

- 12.7 Bayaran kompaun hendaklah dibuat dalam tempoh yang ditetapkan. Jika tiada bayaran kompaun diterima dalam tempoh tersebut, tindakan pendakwaan boleh diteruskan.

### **13.0 PROSES RAYUAN**

- 13.1 Pembayar cukai yang tidak berpuas hati dengan Notis Taksiran / Notis Pemberitahuan Tidak Kena Cukai boleh membuat rayuan ke atas taksiran yang dibangkitkan oleh LHDNM mengikut peruntukan subseksyen 97A(2) dan seksyen 99 hingga seksyen 102 ACP / seksyen 43 hingga 46 ACP / seksyen 6D ACAPL.
- 13.2 Rayuan boleh dikemukakan kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas penyampaian Notis Taksiran / Notis Pemberitahuan Tidak Kena Cukai.
- 13.3 Rayuan terhadap taksiran hendaklah dibuat melalui Borang Q yang lengkap kepada Pengarah Operasi Negeri / Pengarah Bahagian LHDNM yang berkenaan. Sila rujuk Prosedur Rayuan (Borang Q) di laman sesawang LHDNM.
- 13.4 Mulai 1.1.2013 pembayar yang kena membayar cukai pegangan di bawah seksyen 109, 109B atau 109F ACP boleh merayu kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan sekiranya asas rayuan pembayar adalah bayaran cukai pegangan tidak tertakluk kepada cukai di bawah ACP (Peruntukan di bawah seksyen 109H ACP). Rayuan perlu dibuat dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh amaun perlu dibayar kepada KPHDN melalui Borang Rayuan Kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan (CP 15D).
- 13.5 Walau bagaimanapun, rayuan berkaitan bayaran cukai pegangan tidak boleh dibuat oleh pembayar cukai di bawah keadaan berikut:
- 13.5.1 Orang bukan pemastautin telah memfailkan rayuan kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan berhubung dengan bayaran di bawah seksyen 4A atau perenggan 4(f) ACP yang berkaitan dengan cukai pegangan;
- 13.5.2 Bayaran di bawah seksyen 4A atau perenggan 4(f) ACP kepada orang bukan pemastautin telah tidak dibenarkan sebagai potongan di bawah seksyen 39 ACP dalam pengiraan pendapatan larasan; atau

13.5.3 Cukai pegangan yang kena dibayar tidak diremit kepada KPHDN oleh pembayar.

13.6 Semakan Semula Audit Majikan (Rayuan)

13.6.1 Kes audit akan dikemukakan kepada Cawangan Guaman Lembah Klang atau Seksyen Undang-Undang LHDNM Negeri berkenaan untuk tindakan selanjutnya selepas lapan belas (18) hari kalendar dari tarikh surat penemuan audit dikeluarkan.

13.6.2 Jika majikan masih tidak berpuas hati dengan penemuan audit / pindaan penemuan audit yang dikeluarkan, majikan boleh membuat rayuan kepada Cawangan Guaman Lembah Klang atau Seksyen Undang-Undang LHDNM Negeri berkenaan dengan mengemukakan maklumat tambahan dan bukti-bukti untuk menyokong bantahannya.

13.6.3 Rayuan majikan yang berasas akan disemak. Apa-apa penemuan audit yang dimuktamadkan selepas semakan dilakukan akan dimaklumkan sewajarnya kepada majikan.

#### **14.0 TARIKH KUAT KUASA DAN PEMBATALAN**

Rangka Kerja Audit Cukai ini berkuat kuasa mulai 15 Mac 2025 dan membatalkan:

14.1 Rangka Kerja Audit Cukai bertarikh 01 Mei 2022;

14.2 Rangka Kerja Audit Cukai Kewangan dan Insurans bertarikh 01 Mei 2022;

14.3 Rangka Kerja Audit Cukai Petroleum bertarikh 01 Mei 2022;

14.4 Rangka Kerja Audit Majikan bertarikh 01 Oktober 2021; dan

14.5 Rangka Kerja Audit Cukai Pegangan bertarikh 01 Ogos 2015.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.  
15 Mac 2025**